

19 JUL 1996

SEBANYAK 75 DESA WAWASAN WUJUD DI PERLIS MENJELANG 2000

KANGAR, 19 Julai (Bernama) -- Sebanyak 75 buah kampung di Perlis akan terbabit dalam Gerakan Desa Wawasan (GDW) sehingga tahun 2000, kata Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar negeri, Abdul Azib Saad hari ini.

Sebagai permulaan sebanyak 15 kampung daripada tiga kawasan Parlimen -- Padang Besar, Kangar dan Arau dikenal pasti untuk dilaksanakan projek perintis GDW tahun ini, katanya.

"Kerajaan akan memastikan GDW mencapai matlamat menjadikan kawasan luar bandar maju, menarik dan menguntungkan," katanya pada persidangan berita di sini, hari ini.

Abdul Azib berkata, Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS) telah dipertanggungjawabkan mengelolakan GDW dengan kerjasama beberapa jabatan dan agensi sokongan.

Menurut beliau, kawasan Parlimen Padang Besar menyenaraikan Kampung Batu 20, Batu Hampar, Kok Klang, Gial dan Padang Lati, kawasan parlimen Kangar menyenaraikan Kampung Syed Omar, Sempering, Behor Gandil, Kurong Tengar dan Gunong Medan manakala kawasan parlimen Arau menyenaraikan Kampung Rambai, Titi Besi, Mengkuang Layar, Kuala Sungai Baru dan Permatang Limau Manis.

GDW yang dirangka oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jengka, Pahang pada 28 November 1994 manakala peringkat kedua dilancarkan di Seberang Perak, Perak pada 4 Julai lalu.

Mengikut matlamat operasi GDW, sebanyak 3,000 kampung di seluruh negara akan dimajukan di bawah gerakan itu menjelang tahun 2000. -- BERNAMA

AD PR